

# Bajet prihatin – MEF

PETALING JAYA 1 Sept. – Presiden Persekutuan Majikan-Majikan Malaysia (MEF), Datuk Azman Shah Harun, menyifatkan bajet kali ini amat prihatin terhadap kepentingan para majikan di Malaysia.

“Pengurangan cukai korporat daripada 28 peratus kepada 27 peratus pada tahun depan seterusnya 26 peratus pada 2008 menunjukkan kerajaan prihatin terhadap usul yang diajukan MEF.

“Insentif ini dapat mengurangkan kos operasi perniagaan dan merupakan satu langkah yang tepat,” katanya pada sidang akhbar khas mengulas pengumuman Bajet 2007 di sini hari ini.

Beliau berkata, pengurangan cukai secara berperingkat itu memperlihatkan langkah berhati-hati kerajaan bagi menjamin kepentingan semua pihak.

“Bajet kali ini memberikan banyak insentif kepada pelbagai pihak. Ini dapat dilaksanakan kerana pendapatan negara meningkat seiring peningkatan harga komoditi seperti

petrol, getah dan kelapa sawit.

“Namun kita tidak dapat memastikan perkara ini akan berterusan, maka kerajaan perlu berhati-hati dalam menguruskan pendapatan negara,” ujarnya.

Beliau turut yakin pengumuman insentif itu dapat menarik pelabur-pelabur ke Malaysia.

“Walaupun insentif ini tidak sebesar yang dinikmati majikan di Singapura, namun ia merupakan langkah positif bagi menarik pelaburan di Malaysia.

## Komitmen

“Pengurangan cukai ini beserta komitmen kerajaan untuk memperbaiki sistem penyampaian supaya lebih telus dan berintegriti dapat mewujudkan persekitaran pelaburan yang menggalakkan,” katanya.

Beliau berkata, bajet kali ini juga turut memberi penekanan kepada industri pelancongan bersesuaian dengan Tahun Melawat Malaysia

2007.

“Sebagai orang yang terlibat di dalam bidang pelancongan, saya mengalu-alukan bajet ini. Saya yakin langkah yang diambil mampu meningkatkan kehadiran pelancong ke negara kita,” katanya.

Sementara itu, beliau berkata, keputusan kerajaan membenarkan pasangan ekspatriat bekerja di negara ini juga langkah bijak untuk meningkatkan produktiviti dan daya saing negara.

Beliau turut menyokong langkah kerajaan memperuntukkan RM33.4 bilion bagi memperkasakan sistem pendidikan dan latihan negara.

“MEF sebelum ini telah mengusulkan beberapa perkara bagi meningkatkan kapasiti pengetahuan dan inovasi kerana menyedari kepentingan modal insan dalam dunia perniagaan,” katanya.

Beliau turut mengalu-alukan strategi mengatasi masalah graduan menganggur menerusi pengwujudan skim latihan graduan pasaran modal.